

## Malaysia mahu penyelesaian secara aman dilakukan segera demi kepentingan rakyat Myanmar



ISMAIL SABRI YAAKOB

Oleh MOHD HUSNI MOHD NOOR 25 Januari 2022, 6:38 pm

PUTRAJAYA: Malaysia menyatakan pendirian agar Utusan Khas Pengerusi ASEAN mengenai Myanmar diberikan akses kepada semua pihak yang berkenaan dalam usaha mencari penyelesaian secara aman demi kepentingan rakyat Myanmar.

Perkara itu dinyatakan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob menerusi sesi persidangan video bersama Perdana Menteri Kemboja, Hun Sen, hari ini.

Kementerian Luar menerusi kenyataan akhbar berkata, Malaysia pada masa sama menyokong pelantikan Prak Sokhonn sebagai Utusan Khas yang baharu.

Menurutnya, Malaysia juga kekal komited dan menyokong usaha ASEAN ke arah menyediakan bantuan kemanusiaan kepada rakyat Myanmar.

"Perdana Menteri turut mengucapkan tahniah kepada Kemboja setelah mengambil alih Kepengerusian ASEAN 2022 dan berterima kasih kepada Hun Sen kerana berkongsi maklumat terkini di Myanmar.

"Perdana Menteri turut menekankan supaya adanya keperluan meredakan keadaan di Myanmar dan menghentikan keganasan terhadap orang awam.

"Selain itu, dialog politik di antara semua pihak yang berkaitan perlu diadakan demi kepentingan rakyat Myanmar selain menyeru pembebasan segera kesemua tahanan politik tanpa sebarang syarat, termasuk Aung San Suu Kyi dan U Win Myint," katanya.

Katanya, Malaysia juga menyatakan pendirian untuk meneruskan bantuan kemanusiaan melalui ASEAN Coordinating Centre for Humanitarian Assistance on disaster management (AHA Centre) dengan sokongan negara-negara Anggota ASEAN dan rakan-rakan luar ASEAN.

Berhubung keputusan ASEAN untuk menjemput wakil bukan politik dari Myanmar untuk menyertai mesyuarat peringkat tertinggi ASEAN, Malaysia menegaskan bahawa pendirian Malaysia kekal tidak berubah selagi tiada perkembangan nyata dan pelaksanaan sepenuhnya Kemuafakatan Lima Perkara (5PC).

Malah, Perdana Menteri juga menyuarakan pandangan bahawa cadangan langkah-langkah untuk menangani situasi di Myanmar perlu dibincang dan diperhalusi dengan lebih lanjut di peringkat Menteri-menteri Luar Negeri ASEAN dan Pegawai-pegawai Kanan ASEAN.

Selain itu, Perdana Menteri turut bersetuju dengan cadangan Pengerusi ASEAN supaya Sesi Pemukiman Menteri-Menteri Luar Negeri ASEAN diadakan segera.

Malaysia turut menyatakan sokongan terhadap Kepengerusian Kemboja dan inisiatif-inisiatif untuk terus membangunkan Kominiti ASEAN dan memajukan ASEAN di peringkat serantau dan antarabangsa.